PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®

**TERMA DAN SYARAT**

## A: Jadual Syarat Penyertaan

| | |
|---|---|
| **Penganjur** | Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] |
| **Promosi** | PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS® |
| **Tempoh Promosi** | Promosi bermula jam 00:00:00 pada 15hb Oktober 2018 dan ditutup jam 23:59:59 pada 2hb Disember 2018. |
| **Kelayakan** | Promosi ini terbuka kepada semua individu yang bermastautin secara sah di Malaysia dan Warganegara Malaysia yang berusia lapan belas [18] tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi [setiap seorang "Peserta" dan secara kolektif, "Peserta"]. Penganjur mempunyai hak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan mengesahkan identiti Peserta.<br><br>Golongan berikut tidak layak menyertai Promosi ini:<br>a. Pekerja-pekerja pihak Penganjur dan kumpulan syarikatnya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka);<br>b. Pekerja-pekerja agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka). |
| **Kaedah Penyertaan** | 1. Peserta mesti membeli produk minuman Nestlé BLISS Low Fat Yogurt atau Nestlé BLISS PLUS Yogurt yang sekurang-kurangnya berharga Ringgit Malaysia Sembilan (RM 9) ("Produk ") dalam satu resit ( "Bukti Pembelian") semasa Tempoh Promosi: |

| No | Product Description | |
|---|---|---|
| 1 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Kiwi | 700 g |
| 2 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Tropical Fruit | 700 g |
| 3 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogut Drink Mango | 700 g |
| 4 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Strawberry | 700 g |
| 5 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Apple Kiwi | 700 g |
| 6 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Peach & Mango | 700 g |
| 7 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Blackcurrant | 700 g |
| 8 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Mixed Berries | 700 g |
| 9 | Nestlé BLISS® Plus Yogurt Drink Apple, Passion Fruit & Lemon | 700 g |
| 10 | Nestlé BLISS® Plus Yogurt Drink Apple, Cranberry & Pomegranate | 700 g |
| 11 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Strawberry | 200 g |
| 12 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Tropical Fruit | 200 g |
| 13 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Mango | 200 g |
| 14 | Nestlé BLISS® Low Fat Yogurt Drink Mixed Berries | 200 g |

| | |
|---|---|
| | 2. Hantarkan gambar Bukti Pembelian yang jelas menunjukkan pembelian Produk , nombor resit, nama tempat pembelian dan tarikh pembelian melalui applikasi WhatsApp yang bernombor ; **018-3877009** bersama dengan **Nama Penuh dan Nombor MyKad** (Contohnya; Natalie D/O Sasikumar , 8811008-10-2234*)* ( "Penyertaan" ) .<br><br>3. Setiap satu (1) Bukti Pembelian melayakkan Peserta untuk satu (1) Penyertaan melalui applikasi WhatsApp sahaja. Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) Penyertaan melalui applikasi WhatsApp dengan Pembelian Bukti yang sama kepada Penganjur.<br><br>4. Setiap Penyertaan yang sah , lengkap dengan maklumat yang diperlukan oleh Penganjur semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan satu nombor siri.<br><br>5. Bagi setiap pembelian Produk yang bernilai minima RM9 dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, satu (01) nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan. Sebagai contoh ;<br><br>a) Jika Bukti Pembelian mengandungi pembelian tiga (3) Produk yang bernilai minima RM27, tiga (03) nombor siri akan diperuntukkan bagi Penyertaan tersebut.<br><br>6. Semua Penyertaan akan diproses hanya pada hari berkerja dari Isnin hingga Jumaat dari jam 09:00:00 – 17:00:00. |
| **Tarikh Akhir Penyertaan** | Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 2hb Disember 2018 |
| **Perincian Pengadilan** | **Pengesahan Penyertaan**<br><br>• Bukti Pembelian asal yang jelas menunjukkan pembelian Produk, nombor resit, tarikh, harga pembelian dan nama tempat pembelian<br>• Tarikh pembelian yang sah<br>• Jumlah harga pembelian Produk menepati kaedah penyertaan<br>• Tiada perubahan Bukti Pembelian di dalam apa-apa jua bentuk; nama kedai, produk yang dibeli, harga dan tarikh atau waktu pembelian.<br>• Bukti Pembelian tulisan tangan, Pesanan Pembelian dan Nota Penghantaran Invois tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.<br>• Resit E-Dagang diterima sebagai Bukti Pembelian untuk Penyertaan<br><br>Sepanjang Tempoh Promosi, Penganjur akan memberi Hadiah-hadiah Mingguan berikut:<br><br>- Tiga puluh (30) Baucar membeli-belah bernilai RM 100 setiap satu<br>- Tiga (3) Jam tangan kecergasan berjenama<br>- Satu (1) Penapis udara berjenama |

Berikut adalah Jadual untuk pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:

1. 15 Oktober 2018 - 21 Oktober 2018
2. 22 Oktober 2018 - 28 Oktober 2018
3. 29 Oktober 2018 - 4 November 2018
4. 5 November 2018 - 11 November 2018
5. 12 November 2018 - 18 November 2018
6. 19 November 2018 - 25 November 2018
7. 26 November 2018 – 2 Disember 2018

Proses pemilihan pemenang mingguan, Penganjur akan membentangkan jumlah Penyertaan yang disahkan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang layak ("Penyertaan Layak"). Dengan mengandaikan jumlah Penyertaan Layak untuk minggu tertentu semasa Tempoh Promosi adalah 5130, Penganjur akan mengira dan menyenaraikan peserta untuk memenangi hadiah berdasarkan pengiraan berikut:

(a) **Penyenaraian tiga puluh (30) pemenang mingguan untuk Baucar membeli-belah** ;

5,130 ÷ 30 = 171. Peserta yang diperuntukkan dengan nombor bersiri 171 akan disenarai pendek sebagai pemenang pertama dan Peserta dengan nombor bersiri 342 akan menjadi pemenang disenarai kedua dan pemenang berikutnya akan disenarai pendek berdasarkan nombor siri turutan yang bersamaan dengan penggandaan nombor 171 . Sebanyak tiga puluh (30) Peserta dengan Penyertaan Layak yang mengandungi nombor bersiri berikut akan disenarai pendek untuk memenangi Baucar membeli-belah : 171 *, 342 *, 513 * dan lain-lain.
(* contoh pengiraan : **171**, 171 + 171 = **342**, 342 + 171 = **513**)

(b) **Penyenaraian tiga (3) pemenang mingguan untuk Jam Tangan Kecergasan Berjenama ;**

5,130 ÷ 3 = 1710. Pemenang akan disenarai pendek berdasarkan nombor siri turutan yang bersamaan dengan penggandaan nombor 1710. Sejumlah tiga (3) Peserta dengan Penyertaan Layak yang mengandungi nombor bersiri berikut akan disenarai pendek untuk memenangi jam tangan kecergasan berjenama: 1710 * , 3420 * dan 5130 *
(* contoh pengiraan: **1710**, 1710 + 1710 = **3420**, 3420 + 1710 = **5130**)

(c) **Penyenaraian satu (1) pemenang mingguan untuk Penapis Udara ;**

5,130 ÷ 2 = 2565. Peserta dengan Penyertaan Layak yang mengandungi nombor siri 2565 akan disenarai pendek untuk memenangi Penapis Udara berjenama.

Sekiranya tabulasi yang dilaksanakan oleh Penganjur timbul nombor yang mengandungi nilai perpuluhan, nombor tetap akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat.

| | |
|---|---|
| | **Komunikasi Dengan Pemenang Yang Disenarai Pendek**<br><br>Semua pemenang yang disenarai pendek akan dimaklumkan atau dihubungi oleh Penganjur melalui aplikasi WhatsApp. Untuk memenangi hadiah tertentu, setiap pemenang yang disenarai pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul melalui aplikasi WhatsApp. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab melalui aplikasi WhatsApp.<br><br>Setiap pemenang hanya berhak memenangi maksimum dua (2) hadiah semasa Tempoh Promosi, contohnya:<br>• Satu [01] Penapis Udara dan satu [01] Baucer membeli-belah bernilai RM100, ***atau***<br>• Satu [01] Penapis Udara dan satu [01] Jam Tangan Kecergasan, ***atau***<br>• Satu [01] Jam Tangan Kecergasan dan satu [01] Baucer membeli-belah bernilai RM100<br><br>Sekiranya seorang peserta memenangi dua [02] atau lebih hadiah mingguan pada minggu yang sama, maka peserta akan secara automatik memenangi hadiah mingguan yang bernilai tinggi.<br><br>**Pengumuman Pemenang**<br><br>Pemenang akan dimaklumkan melalui aplikasi WhatsApp. Senarai para pemenang juga akan diumumkan di laman web Penganjur ; https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/nestle-bliss-beli-dan-menang |
| **Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah** | Semua hadiah akan diproses untuk penghantaran atau kutipan selepas 14 hari dari akhir Tempoh Promosi. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat atau pengumuman atau notis tuntutan hadiah . |

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi yang boleh didapati di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy

**Consumer Services Contact No.: 1800 88 3433.**

**B: Syarat-syarat Penyertaan**

**1. Pengenalan**

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

**2. Penyertaan Promosi**

2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.

2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

**3. Kelayakan**

3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

**4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

(a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

(b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

**5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

(a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

(b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

(a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau

(b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

**6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran

dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara**:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian**:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

**8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

**9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

**10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

**11. Am**

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

**Notis Privasi**

12.1 Dengan menyertai PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®,anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami") memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan/ atas talian bagi tujuan PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.

12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

12.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.

12.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.

12.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.

12.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

- Hubungi: Pegawai Perlindungan Data Peribadi
- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web : https://www.nestle.com.my/contactus

Atau

- Hubungi kami : 1-800-88-3433

12.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS® dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.

12.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

12.10 **TO INSERT IF SENSITIVE PERSONAL INFORMATION IS COLLECTED**

Kami mungkin memerlukan anda mengemukakan Maklumat Peribadi Sensitif anda (seperti data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental anda, termasuk [to include specific type of Sensitive Personal Information collected in the campaign eg. cholesterol level, pregnancy declaration, race] sekiranya anda memohon untuk menyertai dalam PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®.

Kami hanya akan menggunakan Maklumat Peribadi Sensitif anda bagi tujuan PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS® yang tertentu dan untuk menasihati anda

mengenai produk yang sesuai untuk memenuhi tahap kesihatan semasa dan gaya hidup anda.

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan Maklumat Peribadi Sensitif anda atau membatalkan kebenaran anda kepada kami untuk memproses Maklumat Peribadi Sensitif anda. Bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan Maklumat Peribadi Sensitif ini atau pembatalan kebenaran anda untuk memproses Maklumat Peribadi Sensitif anda yang dikemukakan, akan mungkin mengakibatkan kami tidak dapat memproses penyertaan anda dalam PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®.

**12. Privacy Notice**

12.1 By participating in the PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®, You consent for Nestlé Products Sdn. Bhd. and any of its holding, subsidiary or related companies as defined in the Companies Act 2016 (“Nestlé Malaysia Group”) and service providers, agents and contractors who provide administrative and business support to us and act on our behalf (“Authorised Third Parties”) (collectively “Organiser”, “us”, “we” or “our") to process your personal information provided in the Whatsapp Application for purposes of the PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS® . This includes disclosing your name to the general public when you become a winner in a contest or participate in our events by publishing your name, photographs and other personal information without compensation for advertising and publicity purposes.

12.2 The Organiser may also use your personal information for purposes of contacting and sending to you marketing and promotional information or materials about our products, services, samples, any promotions, events or contests organised by the Organiser. Please indicate your option on the form if you agree to the use of your personal information for this purpose.

12.3 In the event that you agree to share and disclose personal information of a person whom you intend to refer to the Organiser, you acknowledge that you have obtained the consent of that person to share and disclose his/her personal information to us and to being contacted by us.

12.4 In respect of minors or individuals not legally competent to give consent, you confirm that they have appointed you to act for them and, to consent on their behalf to the processing of their personal information in accordance with this privacy notice.

12.5 At times the Organiser may retain Authorised Third Parties to process your personal information. All such Authorised Third Parties are contractually bound to take reasonable measures to keep information secure and not to use your personal information in any way other than that which is specified here and in our privacy policy at http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.

12.6 The Organiser is a global company and your personal information may be transferred across borders. The Organiser will ensure that the country your data is transferred to has a similar

or equivalent personal information protection laws in place, as set out in our privacy policy at http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.

12.7 To the extent that the applicable law allows, you have the right to request for access to, request for a copy of, request to update or correct, your personal information held by us.

All your written requests or queries should be addressed to:

- Contact: Personal Data Protection Officer
- Address: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Or

- Web Form : https://www.nestle.com.my/contactus

Or

- Call us : 1-800-88-3433

12.8 Please note the Organiser requires your personal information in order to process your participation in the PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®, without which we will not be able to process your application.

12.9 For a more detailed description of our privacy practices, please refer to our Privacy Policy at http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. We reserve the right to update and amend this privacy notice or our privacy policy from time to time.

12.10 **TO INSERT IF SENSITIVE PERSONAL INFORMATION IS COLLECTED**

We may require you to provide your Sensitive Personal Information (such as data relating to your physical or mental health, including [to include specific type of Sensitive Personal Information collected in the campaign eg. cholesterol level, pregnancy declaration, race] if you apply to participate in the PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®. We will only use your Sensitive Personal Information for the purposes of the specific PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS® and to advise you on suitable products to suit your current health status and lifestyle. You have the choice, at any time, not to provide your Sensitive Personal Information or to revoke your consent to us processing of your Sensitive Personal Information. However, failure to provide such Sensitive Personal Information or revocation of your consent to process Sensitive Personal Information provided may result in us being unable to process your participation in the PERADUAN BELI & MENANG DENGAN NESTLÉ® BLISS®